

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 13.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) tindakan-tindakan yang dibuat bagi meningkatkan kesesuaian kursus yang ditawarkan dan dipelajari di universiti dengan kehendak semasa industri; dan
- (b) peluang-peluang kerjaya bagi kursus yang ditawarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kolaborasi yang baik antara universiti dan industri merupakan antara agenda utama yang sering ditekankan oleh Kementerian Pendidikan khususnya untuk: **yang pertama**, menghasilkan graduan dan tenaga pengajar yang memenuhi keperluan industri; dan **yang kedua**, membudayakan dan meningkatkan perkongsian teknologi. Dalam usaha untuk memastikan kursus yang ditawarkan dan dipelajari di universiti sesuai dengan kehendak industri, beberapa mekanisma telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian antaranya:

- (b) Sekiranya dilihat daripada *trend* semasa, keperluan tenaga kerja oleh industri adalah bersifat begitu terbuka. Contohnya bagi pegawai perakaunan, permohonan tidak terbuka hanya kepada mereka yang mempunyai ijazah dalam bidang perakaunan. Bahkan juga dibuka kepada pelbagai bidang yang akan ditentukan kesesuaian berdasarkan keupayaan calon untuk meyakinkan pihak majikan semasa dalam proses pemilihan atau temu duga.

Setiap siswazah yang telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah pada hakikatnya memiliki peluang yang sama rata dalam aspek kerjaya, yang mana keputusan muktamad akhirnya bergantung kepada pihak industri berdasarkan keupayaan siswazah tersebut untuk meyakinkan pihak industri berhubung dengan aset yang dimiliki sama ada daripada aspek *softskill* atau *hardskill*, yang mana aset tersebut boleh digunakan oleh industri untuk meningkatkan atau melipatgandakan keuntungan syarikat.